

1022

KELEBIHAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN METODE NADI AL-BAGDHDADI

Siti Mursyidah Mohd Zin, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Mohd Hasbie Al-Shiddieque
Ahmad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

sitimursyidah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diwariskan oleh Rasulullah s.a.w. Antara tanda kemukjizatan al-Quran tersebut adalah 6236 ayatnya mampu dihafaz oleh umat Islam. Metode hafazan al-Quran pula telah mengalami anjakan transformasi daripada hanya metode tradisi kepada metode-metode yang lebih moden. Nadi al-Baghdadi merupakan salah sebuah metode alternatif dan terbaru hafazan al-Quran yang mula diperkenalkan pada tahun 2014. Nadi al-Baghdadi kini sudah pun memiliki 290 buah cawangan di seluruh Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti kelebihan metode ini berdasarkan analisis dokumen dan pemerhatian turut serta. Kesimpulan menunjukkan terdapat lima aspek kelebihan yang pada masa yang sama merupakan faktor keberkesanan metode ini iaitu modul Nadi al-Baghdadi, pengendalian kelas santai, carta Nadi Juzuk serta Carta Nadi 6236, anugerah berprestij dan kualiti guru. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa sesebuah metode hafalan al-Quran berupaya dimodifikasi untuk menjadikan hafalan al-Quran sebagai lebih mudah dan berkesan serta dapat diaplikasikan dalam kalangan penghafaz al-Quran pada semua peringkat umur terutamanya di kalangan kanak-kanak.

Kata Kunci: Kelebihan, Metode, Nadi Al-Baghdadi, Kaedah Hafazan, Al-Quran

1. PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diwariskan oleh Rasulullah s.a.w. Antara tanda kemukjizatan al-Quran tersebut adalah 6236 ayatnya mampu dihafaz oleh umat Islam. Pelbagai teknik dan kaedah hafazan telah digunakan dalam mencapai matlamat suci menghafaz Al-Quran secara konsisten dan usaha mengekalkan hafazan di dada para huffaz. Rasullullah s.a.w telah bersabda:

حدثنا عبد الله بن يوسف أخبرنا مالك عن نافع عن عبد الله بن عمر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : إنما مثل صاحب القرآن كمثل صاحب الإبل المعقلة ، إن عاحد عليها أمسكها ، وإن أطلقها ذهبت

Maksudnya:

Abdullah bin Yusuf telah memberitahu kepada kami dari Malik bin Nacfi telah menghabarkan kepada kami dari Abdullah bin Umar dari Rasullullah s.a.w. berkata: Sesungguhnya perumpamaan penghafal al-Quran adalah seperti penjaga unta yang berikat, sekiranya diikat dapat dijaga dan sekiranya dilepaskan ia akan hilang. (*Al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Kitab Fadhill al-Quran. Bab Istizkar al-Quran wa ta'ahudihi.* No 5031. Hlm. 901.)

Justeru terdapat pelbagai kaedah dan teknik hafazan al-Quran secara tradisional yang dikenalpasti iaitu *talaqqi*, *musyafahah*, *takrar*, *tadarus*, *semaan*, *tasmik*, *tashil*, *tarkiz*, *tarsikh*, *tafaqqud* dan *muraja'ah*, kefahaman dan penulisan (Nor Musliza Mustafa, 2014). Walaubagaimanapun dapatkan kajian Azmil Hashim (2012) membuktikan bahawa metode *takrar* dan *tasmik* merupakan kaedah yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahliz al-Quran. Memperbanyak *takrar* pada ayat yang susah dan *tasmik* di hadapan guru selepas dihafal untuk penilaian, pembetulan dan pengukuhan hafazan.

Namun begitu, kini metode hafazan al-Quran telah mengalami anjakan transformasi daripada hanya metode tradisi kepada metode-metode yang lebih moden. *Nadi al-Baghdadi* merupakan salah sebuah metode alternatif dan terbaru hafazan al-Quran. Pengasas *Nadi al-Baghdadi* di kenali sebagai Jalaluddin Hassanuddin al-Baghdadi. Nama penuh beliau ialah Jalaluddin bin Haji Hassanuddin. Beliau telah dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian al-Quran dari Universiti Saddam, Baghdad, Iraq pada tahun 1998.

Pengasas berpengalaman menyusun dan mengendalikan program berbentuk kursus dan latihan kepada guru-guru serta ibu bapa di seluruh negara hampir 10 tahun khususnya di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab. Beliau juga berpengalaman mengendalikan kursus perguruan teknik *al-Barqy* selama 8 tahun. Pada Mac 2009, secara rasminya terhasil satu teknik inovasi membaca al-Quran menggunakan ‘alat ketuk’ yang diasas serta direka sendiri oleh beliau. Teknik yang dihasilkan diberi nama ‘*Al-Baghdadi*’. (Norsyidah Md Zin, 2014).

Pada tahun 2014, pengasas telah memperkenalkan pula metode terbaru hafalan al-Quran yang diberi nama *Nadi al-Baghdadi* iaitu sebuah pendekatan hafazan yang menggunakan konsep neurofisiologi. Sehingga Jun 2017, *Nadi al-Baghdadi* memiliki 290 buah cawangan berdaftar di seluruh Malaysia. Jumlah cawangan tersebut menunjukkan metode *Nadi al-Baghdadi* telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dalam kalangan masyarakat.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan metode analisis dokumen dan pemerhatian turut serta. Pengkaji telah menganalisis dokumen modul *Nadi al-Baghdadi* iaitu modul yang ke 10 Juzuk 28, Carta Nadi Juzuk 28 dan juga Carta Nadi 6236. Selain itu pengkaji juga turut membuat tinjauan di laman sesawang rasmi *Nadi al-Baghdadi* Group bagi mendapatkan maklumat serta data terkini dan terbaru tentang *Nadi al-Baghdadi*.

Selain itu pengkaji juga turut menggunakan metode pemerhatian turut serta supaya dapat memahami modul *Nadi al-Baghdadi* dengan lebih baik dan mendalam. Pemerhatian turut serta ini dilakukan sebanyak dua kali. Tujuan pemerhatian turut serta ini dilakukan adalah untuk mendapatkan data secara langsung dan natural berkaitan gambaran sebenar suasana pembelajaran dan pengajaran berasaskan aplikasi modul *Nadi al-Baghdadi*.

3. KELEBIHAN METODE NADI AL-BAGHDADI

Nor Musliza Mustafa (2012) menjelaskan menghafal dan memahami al-Quran adalah berkait rapat dengan pemilihan teknik dan gaya pembelajaran yang sesuai dengan tahap psikologi pelajar. Perlaksanaan aktiviti menghafal menerusi pendekatan yang kreatif juga mampu meningkatkan minat, motivasi serta mengekalkan momentum pelajar dalam proses hafalan al-Quran. Justeru kemunculan teknik hafazan *Nadi al-Baghdadi* yang unik dan inovatif sangat membantu untuk menghasilkan fokus yang tinggi dalam menghafal al-Quran kerana ia menggabungkan kaedah tajwid, *talaqqi* dan hafazan.

Teknik hafazan *Nadi al-Baghdadi* yang menggunakan gerakan otak kanan dan otak kiri secara serentak ketika menghafal al-Quran adalah membantu mencerdaskan otak dan menjadikan kemampuan menghafaz lebih baik. Ini kerana proses semulajadi yang di panggil “neurofisiologi” ini adalah berkesan dalam membantu untuk lebih memudahkan hafalan al-Quran tanpa mengira usia pelajar (<https://jomalbaghdadi.edu.my/nac/>). Seterusnya, dapatan

kajian menunjukkan terdapat lima kelebihan unik metode *Nadi al-Baghdadi* sebagaimana aspek berikut:

3.1 Modul *Nadi al-Baghdadi*.


Antara kelebihan metode *Nadi al-Baghdadi* adalah ianya mempunyai 10 modul. Setiap modul pula mengandungi 3 juzuk al-Quran. Sebagai contoh, Modul 10 merangkumi Juzuk al-Quran 28, 29 dan 30. Maka bahan kemahiran hafazan *Nadi al-Baghdadi* ini mengandungi 30 jilid buku yang akan membentuk lima asas kemahiran berikut:

- i. Keupayaan membaca dan menghafaz ayat al-Quran.
- ii. Kemampuan menghafaz al-Quran secara berturutan dan tidak berturutan.
- iii. Kemahiran membentuk perkaitan nadi dalam ayat al-Quran yang dihafaz.
- iv. Keupayaan memahami dan menghayati ciri-ciri penting surah-surah dan ayat-ayat al-Quran yang dihafaz.
- v. Kemahiran mengingat turutan surah dalam al-Quran.

Modul *Nadi al-Baghdadi* turut menerapkan pelbagai pendekatan teknik pengajaran, teknik pembelajaran dan teknik hafazan bagi memberi kesan yang terbaik bagi guru dan pelajar yang terlibat menjayakan modul program *Nadi al-Baghdadi* dalam proses penghafazan dan pengulangan ayat al-Quran. Isi kandungan setiap muka surat terdiri daripada empat perkara berikut:

- i. Ciri-ciri am surah seperti maksud nama surah, kategori surah (*makkiyah* atau *madaniyyah*), turutan surah dan bilangan ayat.
- ii. Ayat-ayat nadi yang terdapat di dalam surah serta ayat tersebut
- iii. Sebab turun ayat atau surah (*asbab nuzul*)
- iv. Terjemahan ayat bagi setiap muka surat.

Selain itu, modul dan cara pembelajaran *Nadi al-Baghdadi* yang santai membantu seseorang agar lebih fokus kepada ayat yang ingin dihafal kerana ia dilakukan secara natural. Ini kerana otak kanan dan otak kiri akan di “gerakan” serentak ketika hafazan al-Quran dengan modul *Nadi al-Baghdadi*. Aktiviti hafazan modul *Nadi al-Baghdadi* yang kerap menggunakan otak kiri dan otak kanan, menjadikan otak kita sentiasa berinteraksi dan ia sekaligus akan mencerdaskan minda dan ingatan akan menjadi lebih kuat kerana kapasiti kedua-dua otak dioptimumkan. Justeru, apabila digunakan kedua-dua otak, akan terhasil hafazan adalah luar biasa. Kelebihan lain modul *Nadi al-Baghdadi*, ianya turut menggunakan bahan bercetak berwarna, bergambar dan peta minda untuk menarik perhatian terutamanya di kalangan kanak-kanak untuk lebih teruja menghafaz al-Quran.



Rajah 3.1.1 Modul 10: Juzuk 30, 29 dan 28.



Rajah 3.1.2 : Surah al-Naba'

3.2 Pengendalian Kelas Santai

Kelas *Nadi al-Baghdadi* dikendalikan secara santai mengikut peringkat usia. Berdasarkan permerhatian turut serta, kajian mendapati kebiasaan kelas hafazan akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Manakala guru akan membacakan ayat baru dan pelajar dikehendaki mengulang ayat tersebut beberapa kali bersama guru dan rakan-rakan sambil mengingat nombor ayat tersebut. Kaedah ini sangat digemari oleh golongan yang berusia yang ingin menghafal al-Quran namun masih tidak lancar membaca al-Quran.

Berdasarkan pemerhatian turut serta, kajian juga mendapati pengulangan ayat dibuat secara teratur dan tidak teratur seperti mengikut nombor ayat secara berturutan, atau membaca ayat mengikut nombor ganjil sahaja, atau membaca ayat nombor genap sahaja atau membaca ayat dari ayat akhir surah hingga ke ayat pertama surah tersebut. Setelah membaca ayat baru beberapa kali, aktiviti sesama ahli kumpulan akan membantu untuk melancarkan bacaan, hafalan dan menyemak hafalan ahli kumpulan yang lain. Untuk mengukuhkan lagi hafalan atau ingatan sesuatu ayat telah dihafal selalunya akan diadakan pertandingan seperti kuiz bagi melihat hafalan kumpulan yang terbaik. Pertandingan ini akan mendorong setiap ahli berlumba-lumba untuk melancarkan bacaan masing-masing.

Berdasarkan pemerhatian turut serta, kajian menyimpulkan bahawa kaedah pengulangan ayat hafazan pula telah dilakukan secara berbeza mengikut peringkat usia. Kelas kanak-kanak tujuh tahun dan ke atas diaturkan untuk mengulang hafazan al-Quran sambil bermain. Permainan tersebut sama ada menggunakan dadu atau alat pemanah untuk melihat kepada nombor yang terkena, maka wajib di baca ayat surah tersebut. Walaubagaimanapun bagi golongan dewasa kaedah pengulangan hafalan dilakukan dengan aktiviti lain seperti meneka ayat bersama ahli kumpulan. Namun harus difahami bahawa kaedah pengulangan hafazan santai ini dilaksanakan secara berbeza mengikut kekreatifan guru yang mengendalikan kelas tersebut. Kadangkala pelajar sendiri berkongsi idea yang munasabah untuk menentukan kaedah pengulangan hafalan yang efektif.



Rajah 3.2: Suasana kelas Nadi al-Baghdadi bagi kanak-kanak

3.3 Carta Nadi Juzuk dan Carta Nadi 6236

Nadi al-Baghdadi telah menyediakan kaedah yang sistematik yang teratur dan disusun mengikut ayat dan surah. Ia telah disediakan dalam dua jenis carta iaitu mengikut juzuk dan carta keseluruhan ayat 6326. Carta ini perlu ditanda dan ia akan merekodkan ayat-ayat yang telah diulang dan dihafal agar ayat yang dihafal itu benar-benar lancar dan mengikut modul *Nadi al-Baghdadi*.

Setiap jilid modul *Nadi al-Baghdadi* turut disertakan Carta *Nadi al-Baghdadi* bagi memenuhi keperluan Program Neuro *Nadi al-Hafiz al-Baghdadi*. Carta ini bertujuan untuk mencapai empat objektif berikut:

- i. Memberi gambaran holistik surah-surah dalam setiap juzuk.
- ii. Strategi pemantauan perkembangan hafazan ayat-ayat al-Quran.
- iii. Mengatahui secara tepat surah-surah dan ayat-ayat yang telah dihafal dan yang belum dihafal
- iv. Meningkatkan motivasi dan keinginan yang lebih tinggi kepada pelajar untuk berlumba-lumba meningkatkan tahap hafazan.



Rajah 3.3.1: Carta Nadi 6236 dan Carta Nadi Juzuk



Rajah 3.3: Carta Nadi Juzuk 28

3.4 Anugerah Berprestij

Kelebihan motode *Nadi al-Baghdadi* turut dapat ditonjolkan berdasarkan dua pengiktirafan *Malaysia Book of Record* iaitu Anugerah *Largest Quranic Tahfiz Centar 2015* dan Anugerah *First Learning Module 2016*. Anugerah *First Learning Module 2016* ini dikurniakan kerana *Nadi al-Baghdadi* berjaya menghasilkan modul yang menggabungkan kaedah tajwid, *talaqqi* dan hafazan yang sangat unik dan inovatif untuk menghafal al-Quran.



Rajah 3.4: Anugerah *Largest Quranic Tahfiz Centar 2015*

3.5 Kualiti Guru

Di dalam perlaksanaan modul *Nadi al-Baghdadi*, kualiti guru yang terlatih turut memberikan kelebihan kepada *Nadi al-Baghdadi*. Justeru al-Baghdadi Group telah mewajibkan setiap guru perlu mengikuti kursus dan memiliki sijil pengiktirafan sebagai bukti sebelum mendaftar sebagai tenaga pengajar. Kursus jangka pendek selama dua hari dianjurkan untuk memberi pendedahan serta kaedah pengenadalian kelas dan pengajaran dengan cara yang betul. Selain itu Akademik al-Baghdadi turut menyediakan Sijil Asas Perguruan al-Quran Akademik al-Baghdadi bagi yang berminat untuk mendalami ilmu-ilmu al-Quran yang lain. (<http://www.akademialbaghdadi.my>)

Sesi pencerapan turut dilaksanakan terhadap guru-guru yang mengendalikan kelas di cawangan-cawangan *Nadi al-Baghdadi* yang berdaftar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung bagi menjamin kualiti dan terlaksananya kaedah *Nadi al-Baghdadi* dengan betul dan berkesan.

4. KESIMPULAN

Sedek Arifin (2011) menjelaskan perkara penting yang perlu difahami adalah kaedah hafalan merupakan perkara asas yang hampir ada dalam setiap kaedah menghafal al-Quran. Namun teknik-teknik atau pendekatan yang berbeza memberi impak kepada hasil hafalan tersebut. Teknik-teknik yang berbeza inilah yang akan membezakan satu kaedah dengan kaedah yang lain. Penerapan teknik yang berbeza ini akan menghasilkan kualiti hafalan yang berbeza di antara kaedah-kaedah tersebut.

Justeru, lima kelebihan berdasarkan lima aspek iaitu modul *Nadi al-Baghdadi*, pengendalian kelas santai, Carta Nadi Juzu dan Carta Nadi 6236, anugerah berprestij dan kualiti guru telah menjadikan metode *Nadi al-baghdadi* mempunyai identiti dan nilai tersendiri serta berbeza dengan lain-lain metode hafalan al-Quran yang terdapat pada masa kini.

Di sisi lain, implikasi daripada kajian ini dapat menunjukkan bahawa sesebuah metode hafalan al-Quran berupaya dimodifikasi untuk menjadikan hafalan al-Quran sebagai lebih mudah dan berkesan serta dapat diaplikasikan dalam kalangan penghafaz al-Quran pada semua peringkat umur. Ianya sebagaimana yang dapat dibuktikan oleh metode *Nadi al-Baghdadi* tersebut.

5. RUJUKAN

- Al-Bukhari, cAbdullah Muhammad bin Ismail. 1999 M 1419H. *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam
- Azmil Hashim dan Abd Halim Tamuri. *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 4 (2) 2012 1-10.
- Carta 6236 Nadi Al-Baghdadi. Program Neuro Nadi Al-Hafiz Al-Baghdadi*
- Carta Nadi Juzuk 28. Program Neuro Nadi Al-Hafiz Al-Baghdadi*
- <https://jomalbaghdadi.edu.my/nac/>
- Jalaludin bin Hasanudin. 2014. *Siri Hafazan Nadi Al-Baghdadi. Modul 10. Juzuk 30,29 dan 28. Program Hafazan Berkonsepkan Neurofisiologi*. Batu Caves, Selangor: Al-Baghdadi Methode Sdn Bhd.
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri. 2015. *Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditory and Kinesthetic)*, Proceeding of 4th International Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT 2015), 6-7 Oktober 2015, USIM, Nilai, Negeri Sembilan.
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri. *Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014. 9-10 June 2014. Pp 827-834. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Norsyidah Md Zin, Sedek Arifin dan Norhidayah Yusoff. *Keberkesanan Teknik Iqra' dan Al-Baghdadi: Suatu Perbandingan*. Jurnal Usuluddin 40 (Julai –Disember 2014): 51-69. Universiti Malaya.
- Sedek bin Arifin. *Keunikan Metode-metode Hafazan al-Quran di Dunia: Suatu Tinjauan terhadap Kaedah di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia dan Turki*. Proceeding Brunei .1-23
- www.albaghdadigroup.com